

16/05/1997

Rebut peluang globalisasi

LUMUT, Khamis - Usahawan Malaysia, khususnya yang terbabit dalam industri tenaga, harus merebut peluang daripada proses globalisasi sekarang dengan meningkatkan kemampuan untuk memperluaskan kegiatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka tidak harus berpuas hati dengan kejayaan dalam bidang penjana kuasa serta khidmat operasi dan kerja penyelenggaraan sahaja kerana agenda besar negara ialah memajukan industri komponen elektrik.

Menurut Perdana Menteri, matlamat itu selaras dengan usaha kerajaan mengurangkan import komponen elektrik yang ketika ini merangkumi 85 peratus daripada keseluruhan import negara.

"Import barangan seperti ini akan terus tinggi selagi kita tidak mampu mengeluarkannya sendiri," katanya merasmikan Loji Janakuasa Lumut, Segari, dekat sini, hari ini.

Loji berharga kira-kira RM4 bilion yang dibangunkan oleh Segari Energy Ventures Sdn Bhd (SEV) itu adalah stesen janakuasa kitar padu terbesar di negara ini dan ketiga di dunia.

Ia mempunyai keupayaan menjana 1,303 megawatt iaitu 11 peratus kuasa tambahan ke dalam Grid Nasional, apabila fasa akhir pembinaannya iaitu blok dua, disiapkan enam bulan lebih awal daripada dijangkakan.

Blok satu mula beroperasi pada 28 Mei tahun lalu, manakala blok kedua pada 10 Januari lalu.

SEV dimiliki oleh Malakoff Berhad, ahli kumpulan MRCB yang memegang 75 peratus ekuiti, manakala 20 peratus lagi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan lima peratus oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Perdana Menteri kemudian melawat bilik kawalan Loji Janakuasa Lumut dan menanam seponon pokok berhampiran kelab rekreasinya.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah; Pengerusi Eksekutif Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Datuk Khalid Ahmad; dan Pengerusi Malakoff Berhad, Jen (B) Tan Sri Mohd Ghazali Che Mat.

Dr Mahahir berkata, syarikat-syarikat yang mengeluarkan komponen bagi industri elektrik di negara ini masih kecil dan tertumpu dalam bidang yang mudah.

"Oleh itu, mereka perlu beralih ke komponen yang penting seperti turbin dan generator, transformer, switch gear dan kabel berkapasiti tinggi. Mungkin sektor swasta sangsi untuk menceburi bidang ini kerana pasaran terhad di Malaysia.

"Bagaimanapun, mereka perlu memandang lebih jauh ke depan dan ke pasaran di luar lingkungan sempadan Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa peka dengan aspek alam sekitar dalam melaksanakan projek janakuasa. Dalam melaksanakan projek janakuasa, kerajaan memutuskan supaya loji seumpamanya pada masa depan menggunakan teknologi bersih arang batu.

"Penggunaan arang batu selaras dengan dasar kepelbagaian empat bahan api dan bagi mengelak penjana yang terlalu bergantung kepada gas. Bagaimanapun dalam penggunaan arang batu, kerajaan tidak mahu soal alam sekitar diabaikan," katanya.

Setakat ini, semua pengeluar tenaga persendirian (IPP) beroperasi di negara ini menggunakan bahan bakar yang bersih iaitu gas, yang lebih mesra alam. Sehingga tahun 2000, penggunaan gas dalam penjana dijangka dalam lingkungan 70 peratus.

Beliau juga mahu semua IPP menyumbang kepada kegiatan dan kebajikan masyarakat termasuk mengukuhkan lagi industri elektrik dari segi penyelidikan dan pembangunan serta latihan, di samping sumbangan kepada Tabung Ses Industri Bekalan Elektrik.

(END)